

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)

**DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- a) anggaran peningkatan perbelanjaan mengurus oleh pengusaha stesen minyak ekoran daripada kenaikan tarif elektrik dan pelaksanaan perintah gaji minimum; dan
- b) sama ada komisen yang diberi kepada pengusaha stesen minyak akan dinaikkan daripada kadar semasa, iaitu 12.19 sen bagi seliter petrol dan 7 sen bagi seliter diesel yang dilaksanakan sejak tahun 2008.

Tuan Yang Dipertua,

- a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari pihak Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM), sehingga hujung tahun 2013 kos-kos untuk mengendalikan stesen minyak telah meningkat seperti berikut:
- i) Kos operasi meningkat lebih dari 25%;
 - ii) Gaji minima dilaksanakan menyebabkan peningkatan kos gaji pekerja termasuk semakan terhadap gaji pekerja sedia ada;
 - iii) Harga minyak runcit telah meningkat tetapi komisyen pengusaha stesen masih statik pada kadar yang asal dan sekiranya rasionalisasi harga minyak dilaksanakan sepenuhnya, kos operasi akan terus meningkat; dan
 - iv) Pelaksanaan GST pada 2015 akan juga memerlukan stesen minyak menambah pekerja.
- b) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda komponen Mekanisme Harga Automatik (APM) dan ini termasuk komisen yang diberi kepada pengusaha stesen minyak. Komisen pengusaha stesen minyak 12.19 sen seliter untuk petrol dan 7 sen untuk diesel adalah sememangnya tinggi kerana kadar tersebut ditentukan pada tahun 2008 semasa harga RON97 adalah RM2.78 seliter dan diesel RM2.58 seliter. Peratusan komisen berbanding harga jualan bagi petrol adalah 4.5% dan bagi diesel adalah 2.7%.

Pada masa ini, peraturan komisen berbanding harga jualan bagi petrol adalah 5.8% dan bagi diesel adalah 3.5%. Secara perbandingan, komisen semasa ini adalah masih tinggi berbanding pada tahun 2008.